

Dr Maimunah mampu angkat imej DBKL

Oleh Hamzah Sanudin

KOTA KINABALU: Pelantikan Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur berkuat kuasa semalam menjadi sejarah wanita pertama dilantik jawatan berkenaan.

Pengerusi Pertubuhan Ikatan Komuniti Selamat, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, pihaknya menzahirkan ucapan tahniah dan mengalu-alukan pelantikan beliau itu.

Katanya, pelantikan itu adalah satu perkara yang positif kerana banyak agensi ataupun majlis perbandaran lain sudah diketuai oleh wanita.

“Pelantikan Dr Maimunah itu dilihat dapat mengangkat imej Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan menyerlahkan kehebatan wanita di posisi sebagai Datuk Bandar.

“Beliau sememangnya seorang yang berkelayakan, berkaliber, berkemampuan dan mempunyai ilmu pengetahuan



LEE LAM THYE

mengenai pembangunan bandar,” katanya dalam kenyataan media, semalam.

Menurutnya, Dr Maimunah juga berpengalaman sebagai jurupercancang dan pernah berkhidmat menjadi ketua majlis tempatan di Pulau Pinang.

“Beliau juga merupakan wanita Asia pertama pernah memegang jawatan Pengarah Eksekutif United Nations Human Settlement Programme (UN-Habitat) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Ber-

satu (PBB).

“Justeru, dengan pengalaman luas mengenai pembangunan bandar diharapkan dapat membantu memacu Kuala Lumpur menjadi bandar raya yang kekal dalam keadaan terbaik sepanjang masa,” katanya.

Lee berkata, antara isu yang boleh diambil serius adalah memperbanyakkan libat urus bersama pelbagai sektor masyarakat bagi mendengar pandangan daripada penduduk Kuala Lumpur.

Katanya, ia penting bagi merancang dan membawa segala isu penyelesaian masalah yang ada dengan lebih efisien.

“Pemupukan dan pemeliharaan alam sekitar di bandar raya ini juga perlu diberi perhatian sewajarnya bagi memastikan rakyat hidup dalam keadaan yang baik.

“Selain itu, kualiti hidup rakyat, penguatkuasaan undang-undang, penyelenggaraan infrastruktur, isu sosial, perumahan dan kesesakan jalan raya antara yang perlu diberikan perhatian,” katanya.